

SERBUAN PDRM RUMAH AMAL GISB: CC DUKACITA TERHADAP MANGSA
KANAK-KANAK TERLIBAT

KUALA LUMPUR (13 SEPTEMBER 2024) - Pesuruhjaya Kanak-kanak, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), Dr Farah Nini Dusuki (CC) menzahirkan kekesalan terhadap modus operandi oleh rumah-rumah amal yang dikatakan ada kaitan dengan 'Global Ikhwan Service and Business Holding' (GISB) sepertimana yang dilaporkan oleh pihak media tempohari. Siasatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mendedahkan bahawa mangsa kanak-kanak di rumah-rumah amal tersebut bukan sahaja diajar dan dididik cara untuk meliwat, malahan mereka turut diliwat oleh penjaga dan seterusnya dipaksa untuk meliwat penghuni kanak-kanak yang lain. Seramai 402 kanak-kanak daripada 20 rumah amal di sekitar Selangor dan Negeri Sembilan telah berjaya diselamatkan oleh pihak PDRM. CC berasa sangat hiba membayangkan jumlah sebenar mangsa kanak-kanak yang terlibat dalam jenayah penderaan seksual tersebut kerana GISB diketahui umum bergerak secara aktif di seluruh Malaysia dan di peringkat global.

CC merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak PDRM dan rakan strategik yang terdiri daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kimia Malaysia atas tindakan pantas mereka menyelamatkan kanak-kanak yang menjadi mangsa dalam kes ini. Berdasarkan Nota Sidang Media (OP Global) oleh pihak PDRM, difahamkan bahawa sebanyak 41 laporan polis telah dibuat terhadap GISB sejak 2011 hingga 7 September 2024, dan CC memohon agar pihak PDRM dapat memaklumkan mengenai hasil siasatan dan tindakan yang telah diambil terhadap laporan-laporan tersebut.

Sebagai entiti yang bertanggungjawab untuk mempromosi dan melindungi hak kanak-kanak di Malaysia, fokus utama CC adalah untuk memastikan kepentingan terbaik kesemua mangsa kanak-kanak ini. Oleh yang demikian, CC ingin menegaskan akan kepentingan untuk semua proses pengendalian mangsa kanak-kanak termasuk siasatan terhadap pemerolehan bukti jenayah terhadap pemangsa dilaksanakan mengikut prosedur yang sewajarnya yang bersifat mesra kanak-kanak ('child-friendly'). Selain itu, rawatan kaunseling dan psikologi terhadap mangsa kanak-kanak perlu dipastikan dapat membantu memulihkan trauma kanak-kanak dan membolehkan mereka membuka lembaran hidup yang baharu.

CC juga berpandangan bahawa bagi halatuju penjagaan kesemua kanak-kanak selepas ini, sistem penjagaan berdasarkan keluarga ('family based-care') adalah disyorkan kerana petempatan di rumah kanak-kanak yang sesak berisiko menambah trauma kepada kanak-kanak. Selain itu, CC menekankan supaya kaunseling yang berterusan diberikan kepada kanak-kanak bagi mengenalpasti sejauh mana impak penderaan yang berlaku memberi kesan terhadap mereka, dan mekanisme pemulihan sesuai dapat dijalankan ke atas kanak-kanak.

Jenayah dan eksploitasi terhadap kanak-kanak yang berselindung di sebalik nama agama sebegini adalah amat memalukan. CC amat terkilan kerana rumah-rumah amal tersebut berjaya beroperasi bertahun lamanya tanpa dapat dikesan aktiviti tidak bermoral yang dijalankan. Bagi mengelakkan tragedi seumpama ini berulang, CC menyeru pihak JKM untuk sentiasa memastikan agar semua pusat jagaan kanak-kanak bukan hanya perlu berdaftar, tetapi turut dipantau rapat dengan penuh bertanggungjawab. Tragedi seperti ini termasuk insiden kematian yang berlaku terhadap bayi berumur 8 bulan, Muhamad Al Fateh Amri di taska baru-baru ini dapat dielakkan jika pemantauan rapi dibuat oleh pihak berwajib. CC mengambil maklum mengenai isu kekangan kapasiti oleh pihak JKM dan menyarankan agar tanggungjawab pemantauan ini dapat dijalankan dengan kerjasama majlis-majlis perbandaran setempat secara menyeluruh di lokaliti masing-masing.



**KENYATAAN MEDIA
PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

CC menggesa agar satu jawatankuasa khas ditubuhkan di peringkat Majlis Keselamatan Negara bagi mengkaji mengenai strategi bersepadu yang boleh dirangka untuk menangani jenayah sebegini dan langkah-langkah yang perlu diambil bagi memastikan ia tidak berulang terutamanya di semua institusi yang melibatkan kanak-kanak, khususnya di pusat jagaan dan asuhan. Selain itu, CC menyeru agar satu Suruhanjaya Inkuiri Diraja ditubuhkan bagi menyiasat insiden ini agar hasil dapatan inkuiri dapat dimanfaatkan sebagai panduan untuk reformasi institusi dan seterusnya membantu mewujudkan suatu sistem perlindungan kanak-kanak yang lebih holistik.

CC juga memohon agar suatu Operasi Khas dibuat untuk menggempur rumah amal kanak-kanak serta pusat asuhan bagi memastikan kesemua institusi ini mematuhi piawaian ditetapkan oleh JKM.

-TAMAT-

**Dr Farah Nini Dusuki
Pesuruhjaya Kanak-Kanak
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
13 September 2024**